

PROSPEKTUS

KUMIPA BALANCED FUND

(Telah ditubuhkan pada 27 Julai 1974)

Prospektus ini bertarikh 11 September 2023

Pengurus Tabung

PENGURUSAN KUMIPA BERHAD

198901010602(187904-M)

[(Syarikat milik penuh Amanah Saham Pahang Berhad 197401000201(17251-P)]

Pemegang Amanah

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

200701008892(766894-T)

INI ADALAH PROSPEKTUS GANTIAN. PROSPEKTUS INI DIKELUARKAN UNTUK MENGGANTIKAN PROSPEKTUS BERTARIKH 28 OKTOBER 2016.

PELABUR-PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA TIMBUL SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN PANDANGAN DARI PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERKENAAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG PERLU DIAMBILKIRA OLEH BAKAL PELABUR, SILA RUJUK 'FAKTOR-FAKTOR RISIKO' DI MUKASURAT 5-7.

KENYATAAN

KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Prospektus ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-Pengarah Pengurusan Kumipa Berhad dan mereka secara individu dan bersama menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat siasatan yang munasabah dalam keadaan demikian mereka mengesahkan bahawa, menurut kepercayaan dan pengetahuan mereka, tidak ada kenyataan-kenyataan yang palsu atau mengelirukan, atau ketinggalan apa-apa fakta lain yang akan membuat apa-apa kenyataan di dalam Prospektus ini sebagai palsu atau mengelirukan.

KENYATAAN MENOLAK LIABILITI

Pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran kepada Tabung ini dan suatu salinan Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebeneran kepada Tabung ini dan pendaftaran Prospektus ini tidak boleh dikira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Tabung ini atau menerima tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang dikeluarkan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus ini.

Pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana ketidakzahiran pada pihak Syarikat Pengurusan yang bertanggungjawab ke atas Tabung dan juga tidak bertanggungjawab terhadap isi kandungan di dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memberi gambaran ke atas ketepatan atau kesempurnaan Prospektus ini dan dengan nyata menolak apa-apa liabiliti yang timbul dari atau dalam kebergantungan terhadap kesemua atau mana-mana bahagian isi kandungan Prospektus.

PARA PELABUR HENDAKLAH MENGGUNAKAN PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENAKSIR MERIT DAN RISIKO SESUATU PELABURAN. SEKIRANYA PARA PELABUR TIDAK UPAYA MEMBUAT PENILAIAN MEREKA SENDIRI, MEREKA DINASIHATKAN UNTUK MENDAPATKAN KHIDMAT NASIHAT DARIPADA PENASIHAT PROFESIONAL

KENYATAAN TAMBAHAN

Para pelabur hendaklah mengambil perhatian bahawa mereka boleh membuat tuntutan dibawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 ke atas keingkaran undang-undang dan peraturan-peraturan sekuriti termasuk mana-mana kenyataan di dalam Prospektus ini yang palsu, mengelirukan atau yang mana terdapat ketinggalan yang material; atau untuk mana-mana tindakan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan Prospektus ini atau kelakuan oleh mana-mana orang lain berhubung dengan Tabung ini.

KANDUNGAN

NO. ITEM	ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
1.	TAKRIF	1-2
2.	MAKLUMAT PENGURUS DAN PEMEGANG AMANAH	3
3.	TABUNG 3.1 Maklumat Tabung 3.2 Faktor-Faktor Risiko 3.3 Lain-Lain Maklumat	4-10
4.	CAJ, FI DAN PERBELANJAAN 4.1 Caj 4.2 Fi 4.3 Perbelanjaan Tabung 4.4 Polisi Komisen Ringan	11-13
5.	MAKLUMAT TRANSAKSI 5.1 Harga Unit 5.2 Permohonan Membeli Unit dan Belian Balik Unit 5.3 Bayaran Agihan Pendapatan	14-20
6.	PENGURUS TABUNG 6.1 Maklumat Korporat 6.2 Pengurusan Pelaburan Tabung 6.3 Lain-Lain Maklumat	21-22
7.	PEMEGANG AMANAH 7.1 Profil AmanahRaya Trustees Berhad 7.2 Tugas dan Kewajipan Pemegang Amanah 7.3 Pertikaian Matan Dan Timbangtara	23
8.	PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN 8.1 Hak dan Tanggungjawab Pemegang Unit 8.2 Fi dan Caj 8.3 Kenaikan Fi dan Caj 8.4 Lain-lain Perbelanjaan Tabung 8.5 Keadaan Yang Menyebabkan Persaraan, Pemecatan dan Penggantian Pengurus dan Pemegang Amanah 8.6 Penamatan Tabung 8.7 Mesyuarat Pemegang Unit	24-29
9.	TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN 9.1 Transaksi dengan Pihak Berkaitan 9.2 Polisi bagi Menangani Konflik Kepentingan	30
10.	PERCUKAIAN KE ATAS TABUNG	31-37
11.	MAKLUMAT TAMBAHAN 11.1 Maklumat Tabung 11.2 Maklumat Harga Unit Harian 11.3 Khidmat Nasihat 11.4 Surat Ikatan 11.5 Tahun Kewangan Berakhir Tabung	38
12.	DOKUMEN UNTUK PEMERIKSAAN	39
13.	KENYATAAN KEBENARAN DAN KEIZINAN BORANG PERMOHONAN PELABURAN PENYATA PENDEDAHAN RISIKO BORANG MAKLUMAT PELABUR	39

1 TAKRIF

Di dalam Prospektus ini, sekiranya tidak dinyatakan sebaliknya, kesemua singkatan berikut akan membawa maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

Agihan pendapatan

Pulangan atau pendapatan daripada pelaburan Tabung yang akan dibayar oleh Pengurus (jika ada) kepada Pemegang Unit mengikut jumlah unit yang dimiliki pada tarikh agihan pendapatan diumumkan.

Bursa Malaysia

Bermaksud pasaran saham yang di urus atau dikendalikan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Belian Balik Unit

Bermaksud Pemegang Unit menjual balik unit-unit yang dipegang oleh mereka kepada Pengurus dan Pengurus membeli balik unit tersebut pada harga belian balik yang diumumkan oleh Pengurus.

FIMM

Singkatan dalam Bahasa Inggeris untuk 'Federation of Investment Managers Malaysia'.

Garis Panduan Tabung Unit Amanah

Garis Panduan Tabung Unit Amanah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai panduan kepada pengurus tabung unit amanah untuk mengurus tabung dalam operasi harian.

Harga Hadapan

Ialah harga unit iaitu Nilai Aset Bersih (NAB) seunit yang dikira pada waktu penilaian berikutnya selepas permohonan membeli atau menjual unit diterima oleh Pengurus.

Harga Jualan

Harga yang dibayar oleh pelabur kepada Pengurus untuk membeli unit-unit Tabung.

Harga Belian Balik

Harga yang dibayar oleh Pengurus kepada Pemegang Unit untuk menjual balik unit-unit pegangan mereka.

Hari Perniagaan

Hari Bursa Malaysia dibuka untuk urusan niaga.

Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung

Nilai kesemua aset Tabung ditolak nilai kesemua liabiliti Tabung pada sesuatu waktu penilaian. Untuk tujuan pengiraan yuran pengurusan tahunan dan yuran pemegang amanah tahunan, NAB Tabung mestilah mengandungi yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah untuk hari berkenaan.

Nilai Aset Bersih (NAB) Seunit

Nilai Aset Bersih Tabung pada satu waktu penilaian dibahagi dengan jumlah unit-unit dalam pusingan pada waktu penilaian yang sama.

Pemegang Amanah atau ART

AmanahRaya Trustees Berhad (No. Syarikat : **200701008892** (766894-T)).

Pemegang Unit

Seseorang yang telah didaftarkan di bawah peruntukan Surat Ikatan sebagai Pemegang Unit.

Pemegang Bersama

Seseorang yang memegang unit bersama dengan seorang atau beberapa orang yang lain dan Pemegang-Pemegang Bersama bermaksud beberapa orang yang memegang unit-unit yang sama.

1 TAKRIF

Pemohon yang Berkelayakan

- (a) mana-mana orang Melayu atau Orang Asli sepertimana di dalam Artikel 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- (b) mana-mana anak kelahiran seperti takrifan di dalam Artikel 161A(6)(a) dan Artikel 161A(6)(b) Perlembagaan Persekutuan;
- (c) sesiapa yang dianggap sebagai seorang Bumiputra oleh Pengurus atas budibicara mutlaknyanya;
- (d) mana-mana perbadanan yang dianggap sebagai satu perbadanan Bumiputra oleh Pengurus atas budibicara mutlaknyanya; atau

Untuk mengelakkan keraguan, Pengurus mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan samada pemohon itu berkelayakan atau tidak.

Pengurus atau PKB

Pengurusan KUMIPA Berhad (No. Syarikat : **198901010602** (187904-M)).

Perumpukan Aset

Pelaburan tabung yang dibahagikan kepada pelbagai jenis pelaburan yang dibenar mengikut kadar atau nisbah yang telah ditetapkan oleh Pengurus dalam mencapai strategi pelaburan tabung.

PEUA

Perunding Unit Amanah

Portfolio

Senarai pelaburan ekuiti dan pelaburan bukan ekuiti yang dipegang oleh Tabung.

RM

Ringgit Malaysia rujukan kepada matawang sah di Malaysia.

SC

Securities Commission Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Skim Pelaburan Kolektif

Skim pelaburan kolektif ialah satu skim yang menyediakan kemudahan untuk orang ramai melabur bagi mendapat atau menerima keuntungan atau pendapatan daripada kepelbagaian aset-aset yang dilabur oleh skim tersebut. Para pelabur skim tersebut tidak terlibat di dalam operasi dan pengurusan aset skim tersebut. Tabung-tabung skim tersebut diuruskan oleh entiti yang dibenar, dilulus atau yang dilesenkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Surat Ikatan

Surat Ikatan Tambahan Ke Lapan bertarikh 26 April 2012 yang dibaca bersekali dengan Surat Ikatan Tambahan Ke Sembilan bertarikh 23 Mac 2023 yang dibuat di antara pihak PKB dan ART.

Tabung

KUMIPA Balanced Fund

Unit

Bermaksud unit atau unit-unit yang diterbitkan oleh Tabung.

2 MAKLUMAT PENGURUS DAN PEMEGANG AMANAH

Pengurus

PENGURUSAN KUMIPA BERHAD (198901010602 (187904- M)).

Pengurusan Kumipa Berhad (CMSL/A0150/2007) mempunyai lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Seksyen 58 Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007.

Alamat berdaftar :

Tingkat 20-21, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
No. Tel. : 09-5133900
No. Faks : 09-5133949
E-mel : administration@phgunitrust.com.my

Alamat perniagaan :-

Tingkat 20-21, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
No. Tel. : 09-5133900 / 019-9543900
No. Faks : 09-5133949
E-mel : administration@phgunitrust.com.my
Laman web : www.phgunitrust.com.my

Pemegang Amanah

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD (200701008892 (766894-T)).

Alamat berdaftar :

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya
No. 2, Jalan Ampang
50508 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-20365129
No. Faks : 03-20720322
E – mail : art@arb.com.my

Alamat perniagaan :

AmanahRaya Trustees Berhad
Tingkat 14, Wisma AmanahRaya
No.2, Jalan Ampang
50508 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-20365129
No. Faks : 03-20720322
E – mel : art@arb.com.my
Laman web : www.artrustees.my

Pelabur boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pengurus melalui laman web di alamat www.phgunitrust.com.my di halaman Hubungi Kami dan Pemegang Amanah di Menu Utama di pautan AmanahRaya_Trustees.

3 TABUNG

3.1 MAKLUMAT TABUNG

Nama Tabung	KUMIPA Balanced Fund
Kategori	Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang
Jenis Tabung	Tabung Pendapatan dan Pertumbuhan
Objektif Pelaburan Tabung	Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Surat Ikat. Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan material kepada objektif pelaburan Tabung.

Polisi Dan Strategi-Strategi Pelaburan

Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi:

- Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.
- Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang stabil.
- Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% daripada NAB Tabung akan dilaburkan didalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya di dalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair. Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih Tabung. Lebihan atau kurangan dari had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%. Nisbah yang tertera di atas merupakan garis panduan asas sahaja. Nisbah ini boleh dilaraskan agar sejajar dengan prestasi pasaran dan juga situasi ekonomi semasa.
- Sekurang-kurangnya 10% daripada NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.
- Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau terkurang daripada strategi perumpukan yang asal, berdasarkan kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung dan supaya dapat menjana pulangan yang baik.

Fokus Pelaburan Tabung

Jenis	Ciri-Ciri	Strategi
Ekuiti syarikat-syarikat tersenarai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kedudukan kewangan yang teguh dan stabil. ▪ Mempunyai potensi pertumbuhan perniagaan dan modal. ▪ Sejarah pendapatan yang konsisten dan memberikan hasil dividen yang berpatutan. ▪ Kekuatan aset. ▪ Pengurusan yang berwibawa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan bertumpu kepada syarikat-syarikat yang tersenarai. • Matlamat pelaburan adalah jangka sederhana dan dagangan dilaksanakan mengikut keadaan pasaran semasa

3 TABUNG

<p>Sekuriti tidak tersenarai:</p> <p>(a) Sekuriti</p> <p>(b) Sekuriti pendapatan tetap</p> <p>(c) Instrumen pasaran wang</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat-syarikat yang akan atau telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk disenaraikan di pasaran saham. ▪ Terbitan-terbitan daripada pegangan pelaburan tersenarai. ▪ Bon yang mempunyai penarafan minima AA mengikut penarafan yang diiktiraf oleh Rating Agency Malaysia Bhd (RAM). ▪ Simpanan di institusi kewangan yang berlesen dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya syarikat-syarikat yang dijangka memberikan perolehan baik dipilih untuk pelaburan. • Pelaburan adalah untuk meraih faedah atau keuntungan jangka panjang. • Pelaburan adalah untuk meraih faedah atau keuntungan jangka pendek dan sederhana mengikut keadaan pasaran kewangan.
---	--	---

Teknik dan amalan yang diguna oleh Pengurus di dalam mengurus pelaburan Tabung

<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus akan terima pakai strategi dagangan yang proaktif dan munasabah bagi mencapai objektif pelaburan Tabung. Bagi kategori saham pendapatan, pengambilan untung akan dibuat pada kadar kenaikan modal yang diunjurkan. • Dagangan jangka pendek juga akan dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa Tabung bagi tujuan mendapat pulangan modal tambahan dan secara berkala sekiranya pasaran mengizinkan. • Pengurus akan / boleh mengambil strategi defensif sementara dengan mengubah kedudukan agihan aset daripada kadar yang telah ditetapkan sama ada mengurangkan atau meningkatkan pendedahan, mengikut keadaan pasaran semasa. Strategi ini akan mengutamakan pendedahan yang tinggi di dalam sekuriti atau instrumen seperti deposit tunai, instrumen pasaran wang dan baki tunai. • Pengurus akan membuat pemantauan secara berterusan terhadap kekukuhan saham-saham serta pergerakan harga saham di Bursa Malaysia.

3.2 FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Risiko-Risiko Am Melabur Di Dalam Tabung Unit Amanah

Pelaburan yang dibuat oleh tabung unit amanah terdedah kepada pelbagai risiko. Risiko-risiko umum berikut mestilah dipertimbangkan apabila membuat pelaburan di dalam tabung unit amanah:

Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi pelaburan tabung bergantung kepada kecekapan Syarikat Pengurusan. Unjuran yang tidak sejajar dengan prestasi pasaran saham, pergerakan pasaran saham dan ekonomi semasa yang sukar dijangka serta prestasi saham yang dipilih adalah di antara faktor-faktor risiko yang boleh menjejaskan prestasi tabung.

Strategi dan unjuran pelaburan dirumus melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala dan juga latihan kepada pasukan pelaburan dibuat secara berterusan dalam usaha meminimumkan kesan risiko ini.

Kelalaian Pengurus di dalam mematuhi peraturan-peraturan dan segala undang-undang berkaitan serta polisi-polisi dalaman yang ditetapkan, boleh memberi kesan kepada prestasi tabung.

Risiko ini boleh dikurangkan dengan kawalan dalaman yang sentiasa dipantau dan dipatuhi.

3 TABUNG

Risiko Pasaran

Harga sekuriti yang dibeli dan dipegang oleh tabung adalah terdedah kepada perubahan harga sekuriti di pasaran saham. Harga sekuriti akan berubah akibat pelbagai faktor seperti perubahan aliran ekonomi dan pasaran kewangan global, perkembangan politik dan bencana alam. Perubahan harga sekuriti tersebut akan menyebabkan turun naiknya NAB dan harga unit-unit tabung.

Risiko pasaran ialah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan pada instrumen kewangan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran asing dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, tabung tidak terdedah kepada risiko tukaran asing kerana semua pelaburannya adalah dalam matawang RM.

(i) Risiko harga ekuiti

Risiko harga ekuiti berlaku apabila nilai sekuriti turun naik akibat dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham dan keadaan ekonomi semasa. Risiko ini dapat dikurangkan dengan kepelbagaian portfolio pelaburan tabung. Kedudukan fundamental syarikat-syarikat dipantau setiap hari dan prestasinya dilaporkan kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas pelaburan secara berkala.

(ii) Risiko kadar faedah / keuntungan

Sekuriti berpendapatan tetap dan bon adalah terdedah kepada risiko kadar keuntungan. Tabung tidak menghadapi risiko pergerakan kadar keuntungan yang ketara berikutan keseluruhan deposit adalah dalam bentuk simpanan tetap di institusi kewangan berlesen.

Risiko Tiada Pulangan Pelaburan

Pulangan pelaburan dalam bentuk agihan pendapatan ataupun kenaikan harga unit tidak dijamin oleh pengurus. Pulangan adalah bergantung kepada prestasi pelaburan tabung yang berkait rapat dengan prestasi sekuriti dilabur oleh tabung.

Risiko ini sukar dikawal tetapi perumpukan aset dan strategi kepelbagaian boleh mengurangkan risiko ini.

Risiko-Risiko Khusus Portfolio Pelaburan Tabung

Pelaburan-pelaburan Tabung di dalam sekuriti tersenarai akan terdedah kepada risiko-risiko berikut:

Risiko Pasaran Modal

Pelaburan Tabung hanya tertumpu kepada pasaran saham tempatan sahaja. Sebarang turun naik pasaran saham tempatan akan memberi kesan terus kepada pelaburan Tabung. Oleh itu pelaburan Tabung akan dipengaruhi oleh perubahan iklim ekonomi dan politik atau peraturan dan undang-undang di Malaysia.

Bagi mengurus risiko ini, Tabung akan hanya meletakkan aset didalam pelaburan yang dibenar berdasarkan had yang ditetapkan serta yang diluluskan oleh Panel Pelaburan.

Risiko Sekuriti Tertentu

Harga sesuatu sekuriti mungkin berubah mengikut prestasi syarikat tersebut yang terdedah kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran nya. Perubahan harga sekuriti tertentu itu akan menjejaskan NAB dan harga unit Tabung. Risiko melabur didalam sekuriti tertentu ini boleh dikurangkan dengan cara Tabung melabur didalam pelbagai jenis sekuriti yang dibenar.

Risiko Kadar Faedah

Sebarang perubahan dalam iklim ekonomi semasa akan mempengaruhi pergerakan kadar faedah ke atas penilaian bon. Apabila kadar faedah meningkat, harga bon pada umumnya akan merosot dan ini akan mengurangkan nilai pasaran bon. Begitu juga apabila keadaan yang bertentangan berlaku apabila kadar faedah menurun harga bon akan naik. Pergerakan kadar faedah ini akan menjejaskan harga pasaran bon yang dipegang oleh Tabung.

Tabung mempelbagaikan tenor sekuriti pendapatan tetap agar sebarang perubahan di dalam kadar faedah dapat dimanfaatkan secara optimum.

3 TABUNG

Risiko Kredit

Merujuk kepada keupayaan pengeluar bon untuk membuat bayaran untung dan/atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya pengeluar bon mungkir di dalam pembayaran keuntungan dan/atau prinsipal, nilai prinsipal dan keuntungan yang patut diperolehi akan terjejas dan kualiti bon mungkin akan menurun. Ini semua akan memberi kesan kepada NAB Tabung. Risiko ini dikurangkan dengan pengawasan yang berterusan dan keprihatinan terhadap kedudukan kewangan dan keutuhan perniagaan pengeluar bon.

Risiko kredit juga merujuk kepada keupayaan pihak-pihak yang berurusan dengan Tabung untuk menyelesaikan komitmen kewangan kepada Tabung dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tabung tidak menghadapi risiko kredit yang ketara kerana keseluruhan operasinya adalah berasaskan tunai. Jumlah terhutang daripada syarikat pembrokeran diterima dalam tempoh dua (2) hari ususi. Deposit juga ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan berlesen yang dikawal selia oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan merupakan risiko di mana Tabung akan mengalami kesukaran dalam merealisasikan aset atau memperolehi dana yang secukupnya untuk menyelesaikan tanggungan berhubung mana-mana instrumen kewangan. Risiko aliran tunai timbul apabila nilai yang bakal diperolehi dari pegangan instrumen kewangan menyusut daripada nilai asalnya.

Risiko ini akan diminimalkan kerana aset Tabung terdiri daripada simpanan tunai, sekuriti-sekuriti yang mudah direalisasi atau mudah dijual, sekiranya perlu. Sekuriti Tabung yang tersenarai, sedia direalisasi kerana ianya tersenarai di Bursa Malaysia.

Tabung juga akan memastikan tahap kecairan semasa sentiasa sejajar dengan keperluan operasi serta mengambilkira potensi penubuhan unit yang berskala besar terutamanya ketika pasaran modal berada di dalam keadaan kurang memberangsangkan.

Pengurusan Modal

Modal Tabung terdiri daripada pelaburan oleh Pemegang-Pemegang Unit. Jumlah modal boleh berubah dengan ketara setiap hari berikutan penubuhan dan langganan unit oleh Pemegang-Pemegang Unit. Pengurus mengendalikan modal Tabung berdasarkan objektif pelaburan Tabung disamping mengekalkan tahap tunai yang mencukupi untuk pembayaran penubuhan unit oleh Pemegang-Pemegang Unit.

Strategi Umum Bagi Menangani Risiko-Risiko Pelaburan

1. Mempelbagaikan jenis pelaburan di dalam portfolio

Risiko diminimalkan dengan memperumpukkan aset Tabung di dalam pelaburan berbentuk ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

2. Memperkemaskan pengurusan portfolio

i. Penetapan had di dalam pegangan modal

Pegangan di dalam modal saham mana-mana syarikat tidak boleh melebihi had yang dibenarkan oleh garis panduan pelaburan. Selain itu, Tabung tidak membuat pelaburan yang berskala besar dalam satu-satu kumpulan syarikat.

ii. Memastikan kecairan portfolio

Pilihan kaunter-kaunter untuk pelaburan diutamakan kepada kaunter yang mempunyai jumlah dagangan yang munasabah bagi memudahkan urusan jual beli.

iii. Menitikberatkan kekukuhan pelaburan

Analisis terperinci dibuat ke atas faktor-faktor asas syarikat-syarikat yang dilabur bagi memastikan hanya syarikat-syarikat yang kukuh dan berpotensi dalam jangka panjang sahaja dipilih untuk dilabur. Pemantauan secara berkala juga dibuat bagi mengenal pasti segera sebarang masalah yang timbul di dalam pelaburan tersebut agar tindakan yang sesuai boleh dilaksanakan.

3 TABUNG

3.3 LAIN-LAIN MAKLUMAT

Polisi Agihan Pendapatan

Pengurus akan membuat agihan pendapatan (jika ada) daripada pendapatan nyata Tabung yang diperolehi bagi tahun kewangan semasa. Kebiasaannya agihan pendapatan akan dibuat kepada Pemegang Unit di dalam bentuk tunai dan/atau unit sekurang-kurangnya sekali setahun.

Penanda Aras Prestasi

Pengurus menggunakan gabungan Indeks FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional di institusi kewangan utama tempatan sebagai penanda aras untuk mengukur prestasi pelaburan Tabung. Ianya dikira berdasarkan kepada peratus perubahan bulanan kedua-dua indeks tersebut.

Prestasi kedua-dua asas tanda aras tersebut diwajibkan atau dibahagikan di dalam nisbah 60:40 mengikut perumpukan aset Tabung.

Asas pengiraan yang digunakan ialah:

- Prestasi Indeks FBMEmas iaitu indeks yang mewakili hampir semua syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Pendedahan pelaburan ekuiti Tabung hampir keseluruhannya adalah di dalam syarikat-syarikat papan utama, manakala pembahagian sektor juga hampir menyamai pembahagian sektor di papan utama. Ianya boleh dirujuk di www.bursa.malaysia.com.my dan;
- Kadar simpanan tetap konvensional untuk satu (1) tahun yang boleh dirujuk di laman web institusi kewangan utama tempatan.

Pelaburan Yang Dibenar

- Saham syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dan lain-lain bursa saham yang sah di sisi undang-undang;
- Unit-unit tabung harta tanah tidak berkaitan yang tersenarai di Bursa Malaysia;
- Saham tidak tersenarai yang telah diluluskan untuk penyenaian dan sebutharga di Bursa Malaysia, yang ditawarkan oleh syarikat yang telah diluluskan penyenaian secara peletakan persendirian atau secara bidaan;
- Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil-Bil Perbendaharaan, Sijil-Sijil Bank Negara Malaysia, dan Sijil-Sijil Pelaburan Kerajaan;
- Baki matawang Malaysia ditangan, deposit matawang Malaysia di institusi kewangan utama tempatan;
- Sekuriti Pendapatan Tetap bertaraf sekurang-kurangnya BBB oleh *RAM Rating Services Berhad* ("RAM") dan perletakan persendirian yang mempunyai taraf yang sama oleh RAM; dan
- Lain-lain bentuk pelaburan sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkaitan dari masa ke semasa.

Had-Had Pendedahan Pelaburan Tabung

Had-Had Pendedahan Pelaburan	Had	Pengecualian / Syarat
<ul style="list-style-type: none">• Nilai agregat pelaburan dalam :<ul style="list-style-type: none">(a) Sekuriti boleh pindah yang tidak didagangkan atau diuruskan dalam atau di bawah peraturan pasaran layak;(b) Skim Pelaburan Kolektif	15% daripada NAB Tabung	Tertakluk kepada had maksimum 10% daripada NAB Tabung dalam penerbit tunggal.

3 TABUNG

Had Jajaran Pelaburan Tabung

Had Jajaran Pelaburan	Had	Pengecualian
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pelaburan Tabung dalam syer biasa mana-mana penerbit tunggal 	10% NAB Tabung	
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pelaburan Tabung dalam <ul style="list-style-type: none"> (a) sekuriti boleh pindah; dan (b) instrumen pasaran wang yang dikeluarkan oleh mana-mana penerbit tunggal 	15% daripada NAB Tabung (Untuk tujuan pengiraan had, nilai pelaburan Tabung dalam instrumen yang dikeluarkan oleh penerbit yang sama mestilah dimasukkan)	Sehingga 35% daripada NAB Tabung di dalam pelaburan yang baik yang dijamin oleh kerajaan asing dan agensi penarafan antarabangsa.
<ul style="list-style-type: none"> • deposit dengan mana-mana institusi kewangan tunggal 	20% daripada NAB Tabung	
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai agregat pelaburan Tabung di dalam, atau pendedahan kepada, penerbit tunggal melalui- <ul style="list-style-type: none"> • sekuriti boleh pindah; • instrumen pasaran wang; • deposit 	25% daripada NAB Tabung (Untuk tujuan pengiraan had, nilai pelaburan Tabung dalam instrumen yang dikeluarkan oleh penerbit yang sama mestilah dimasukkan)	Jika had penerbit tunggal itu ditingkatkan kepada 35% daripada NAB Tabung, maka had agregat penerbit tunggal itu juga boleh dinaikkan, tertakluk kepada had kumpulan penerbit yang tidak melebihi 35% daripada NAB Tabung.
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pelaburan di dalam unit atau unit-unit atau saham skim pelaburan kolektif 	20% daripada NAB Tabung	Dengan syarat skim pelaburan kolektif diiktiraf oleh SC dan mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pelaburan Tabung dalam unit atau unit-unit atau saham skim pelaburan kolektif yang melabur dalam harta tanah 	15% daripada NAB Tabung.	
<ul style="list-style-type: none"> • Nilai pelaburan Tabung di dalam sekuriti boleh pindah dan instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat 	20% daripada NAB Tabung (Untuk tujuan pengiraan had, nilai pelaburan Tabung di dalam instrumen yang dikeluarkan oleh penerbit di dalam kumpulan syarikat yang sama mestilah dimasukkan)	

3 TABUNG

Had Penumpuan Pelaburan Tabung

Had Penumpuan Pelaburan	Had	Pengecualian
<u>Sekuriti Boleh Pindah</u> <ul style="list-style-type: none">• Pelaburan Tabung dalam saham atau instrumen yang setara	10% daripada saham atau instrumen yang setara yang dikeluarkan oleh penerbit tunggal.	
<u>Instrumen Pasaran Wang</u> <ul style="list-style-type: none">• Pelaburan Tabung di dalam instrumen pasaran wang	10% daripada instrumen yang dikeluarkan oleh mana-mana penerbit yang sama	Had ini tidak terpakai untuk instrumen pasaran wang yang tidak ditentukan saiz pada awalnya.
<ul style="list-style-type: none">• Pelaburan Tabung dalam skim pelaburan kolektif	25% daripada unit -unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif	

Had Pelaburan Dalam Aset Cair

Had Pelaburan Aset Cair	Had	Pengecualian
<ul style="list-style-type: none">• Nilai pelaburan Tabung di dalam aset cair	Tidak kurang 10% daripada NAB Tabung	

Dagangan Silang

Buat masa ini, Pengurus hanya menguruskan satu tabung sahaja dan secara tidak langsung Tabung tidak terlibat dalam aktiviti dagangan silang ini.

4 CAJ, FI DAN PERBELANJAAN

Pelabur-pelabur sewajarnya mengambil perhatian bahawa terdapat beberapa caj dan fi yang terlibat dan pelabur-pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan caj dan fi tersebut sebelum membuat pelaburan di dalam Tabung ini.

4.1 CAJ

Terdapat caj yang akan dikenakan **secara langsung** apabila anda membeli atau menjual balik unit-unit Tabung ini seperti berikut:-

1. Caj Jualan	Sehingga 6% daripada NAB seunit
2. Caj Belian Balik	Sehingga 2 % daripada NAB seunit dan tidak lebih daripada lima (5) sen seunit.

Nota:

Pengurus boleh mengenakan caj yang lebih rendah dari semasa ke semasa di atas budi bicaranya. Pelabur boleh melawati laman web Pengurus melalui www.phgunitrust.com.my untuk menyemak kadar caj terkini yang dikenakan.

Asas kiraan caj jualan dan belian balik unit:

Caj jualan dan caj belian balik dikira berasaskan pada NAB seunit Tabung dan dikira secara harian. Caj ini tidak akan dicampur dengan harga unit Tabung. Ianya dikira dan dicajkan secara berasingan semasa membeli dan menjual balik unit-unit Tabung.

Caj jualan dan caj belian balik dikira berdasarkan NAB seunit dan dikira pada 6 digit dan digenapkan kepada 4 digit **untuk dipamer kepada umum.**

Pengiraan Caj Jualan

Sebagai contoh, pelabur ingin membeli unit-unit Tabung dan NAB seunit ialah RM0.500000. Caj jualan yang dikenakan ke atas pembelian unit tersebut ialah 5.25%.

$$\begin{aligned}\text{Caj jualan} &= \text{NAB seunit} \times \text{caj jualan (\%)} \\ &= \text{RM0.500000} \times 5.25\% \\ &= \text{RM0.026250}\end{aligned}$$

Pengiraan Caj Belian Balik

Sebagai contoh, Pemegang Unit bercadang untuk menjual balik unit-unit yang dimilikinya kepada Pengurus. NAB seunit ialah RM0.500000 dan Pengurus tidak mengenakan caj belian balik.

$$\begin{aligned}\text{Caj belian balik} &= \text{NAB seunit} \times \text{caj Belian Balik} \\ &= \text{RM0.500000} \times 0 \\ &= \text{RM0.000000}\end{aligned}$$

4 CAJ, FI, DAN PERBELANJAAN

4.2 FI

Fi ini akan dikenakan **secara tidak langsung** apabila melabur di dalam unit-unit Tabung.

Fi Pengurusan Tahunan

Pengurus layak mendapat fi pengurusan pada kadar 1.5% setahun daripada NAB Tabung yang dikira dan diakru harian. Jumlah yang diakru pada setiap hari akan dikumpul untuk mendapatkan jumlah Fi Pengurusan Tahunan. Fi ini dibayar secara bulanan kepada Pengurus.

Fi Pemegang Amanah Tahunan

Pemegang Amanah layak mendapat fi pemegang amanah pada kadar 0.1% setahun daripada NAB Tabung dan jumlahnya dikira dan diakru harian. Fi ini dibayar secara bulanan kepada Pemegang Amanah.

4.3 PERBELANJAAN TABUNG

Hanya perbelanjaan berkaitan secara langsung dan perlu dalam mengendali dan mentadbir Tabung yang boleh dicaj kepada Tabung. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:-

1. Komisyen / fi yang dibayar kepada broker atau wakil niaga atas pelaksanaan urusan pelaburan Tabung;
2. Cukai dan lain-lain duti yang dikenakan ke atas Tabung oleh Kerajaan dan / atau lain-lain pihak berkuasa;
3. Kos, fi dan perbelanjaan yang boleh dikenakan oleh juruaudit Tabung;
4. Fi yang ditanggung untuk penilaian mana-mana pelaburan Tabung;
5. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk pindaan kepada Surat Ikatan. Jika pindaan kepada Surat Ikatan itu memberi manfaat kepada Pengurus dan / atau Pemegang Amanah, maka ianya tidak boleh dikenakan kepada Tabung;
6. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk apa-apa mesyuarat Pemegang Unit selain daripada mesyuarat yang memberi manfaat kepada Pengurus dan / atau Pemegang Amanah;
7. Kos, komisyen, fi dan perbelanjaan menjual aset, membeli aset, membeli insuran untuk aset dan lain-lain urusan kepada mana-mana aset Tabung;
8. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam melantik mana-mana pakar yang dibenarkan oleh Pemegang Amanah untuk menyiasat dan menilai apa-apa cadangan pelaburan Tabung;
9. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam melantik mana-mana penilai untuk kebaikan Tabung;
10. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam penyediaan dan audit percukaian, pulangan dan akaun Tabung
11. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam penamatan Tabung atau penyingkiran Pemegang Amanah atau Pengurus dan pelantikan pemegang amanah atau syarikat pengurusan yang baharu;
12. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan mana-mana timbang tara atau mana-mana prosiding berkenaan Tabung atau mana-mana aset Tabung, termasuk prosiding terhadap Pemegang Amanah atau Pengurus oleh pihak yang satu lagi untuk manfaat Tabung;
13. Ganjaran dan lain-lain belanja individu atau ahli-ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan Tabung, kecuali Pengurus memutuskan sebaliknya;
14. Kos, fi dan perbelanjaan yang dianggap oleh Pengurus telah ditanggung berkaitan dengan sebarang perubahan undang-undang atau keperluan untuk patuh kepada sebarang perubahan atau pengenalan undang-undang atau peraturan oleh pihak berkuasa kerajaan atau pihak kawal selia.

4 CAJ, FI, DAN PERBELANJAAN

4.4 POLISI KOMISEN RINGAN

Pengurus tidak menikmati apa-apa komisen ringan untuk kepentingannya. Pengurus tidak menerima apa-apa bentuk rebat dari broker. Kesemua urusan dengan broker dilaksanakan pada kadar pasaran yang kompetitif. Komisen ringan seperti dokumen penyelidikan, data dan penerbitan-penerbitan yang berkaitan dengan pelaburan, jika ada, akan digunakan untuk kepentingan Tabung terutama di dalam membantu membuat keputusan pelaburan bagi Tabung. Melaksanakan transaksi dengan sesuatu broker atau wakil niaga tersebut bukan tujuan utama Pengurus untuk mendapatkan komisen ringan, dan Pengurus tidak boleh melakukan urusniaga yang keterlaluan dengan sesuatu broker atau wakil niaga itu untuk melayakkan mendapat komisen ringan tersebut.

Pelabur-pelabur sewajarnya mengambil perhatian bahawa terdapat beberapa caj dan fi yang terlibat dan pelabur-pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan caj dan fi tersebut sebelum membuat pelaburan.

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

5.1 HARGA UNIT

Penilaian Aset

Jenis Aset	Cara penilaian
• Saham Tersenarai di Bursa Malaysia	Pada harga penutup rasmi di pasaran Walau bagaimanapun, jika harga pasaran tidak menggambarkan nilai saksama* sesuatu saham atau harga saham tidak dapat diperolehi di pasaran, maka saham akan dinilai pada nilai saksama mengikut kaedah dan asas yang ditentukan secara jujur oleh Pengurus.
• Bon-bon Tidak Tersenarai disebut dalam Ringgit Malaysia	Pada harga sebutan disenaraikan oleh agensi penarafan yang diiktiraf dan berdaftar dengan SC.
• Sekuriti Pendapatan Tetap	Pada nilai saksama
• Sekuriti Digantung	Penilaian pelaburan perlu dibuat pada nilai saksama dengan kaedah yang dipersetujui oleh Juruaudit Tabung serta diluluskan oleh Pemegang Amanah.

Nota :

* Nilai saksama ialah nilai berpatutan bagi saham.

Waktu Penilaian Aset Tabung

Merupakan satu waktu di hari perniagaan dimana NAB Tabung akan dikira.

Pengurus akan membuat penilaian NAB Tabung sekali sehari, pada waktu kebiasaannya di hujung setiap hari perniagaan seurus selepas Bursa Malaysia ditutup.

NAB Seunit

NAB Tabung ialah nilai kesemua aset Tabung ditolak nilai kesemua liabiliti Tabung pada sesuatu waktu penilaian yang telah ditentukan oleh Pengurus.

NAB seunit Tabung ialah NAB Tabung pada waktu penilaian dibahagi dengan jumlah unit-unit dalam pusingan pada waktu penilaian yang sama.

Contoh umum kiraan NAB seunit yang dikira pada sesuatu waktu penilaian :

Jumlah aset Tabung	=	RM55,000,000
Tolak : Jumlah liabiliti Tabung	=	<u>RM 5,000,000</u>
Jumlah NAB Tabung	=	RM50,000,000
Jumlah unit dalam pusingan	=	100,000,000 unit
NAB seunit	=	<u>RM50,000,000</u> 100,000,000 unit
Oleh yang demikian NAB seunit digenapkan kepada empat (4) titik perpuluhan	=	RM0.5000

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

Harga Hadapan untuk Jualan Unit dan Belian Balik Unit

Kedua-dua harga jualan dan harga belian balik unit dikira berasaskan harga hadapan. Harga jualan dan belian balik iaitu pada NAB seunit Tabung yang dikira pada waktu penilaian berikutnya selepas permohonan membeli atau menjual balik unit yang lengkap diterima dan diluluskan oleh Pengurus.

Pengiraan Harga Jualan dan Harga Belian Balik Unit

Harga jualan unit yang dibayar oleh Pemegang Unit ialah pada NAB seunit campur caj jualan.

Harga belian balik unit yang dibayar oleh Pengurus kepada Pemegang Unit ialah pada NAB seunit beserta caj belian balik.

Contoh 1 : Jualan Unit

Andaikan pelabur ingin melabur sebanyak RM1,000 dan pada masa pelaburan dibuat, NAB seunit Tabung ialah RM0.200000 dan caj jualan adalah 5% daripada NAB seunit Tabung, contoh pengiraan jumlah yang perlu dibayar untuk membuat pelaburan tersebut adalah seperti berikut :

NAB seunit Tabung	-	RM0.200000
Caj jualan seunit	-	5% dari NAB seunit Tabung
Jumlah dilaburkan	-	RM1,000.00
Jumlah unit yang dibeli	=	<u>Jumlah RM dilaburkan</u> Harga unit
	=	<u>RM1,000.00</u> RM0.200000
	=	5,000 unit
Caj jualan perlu dibayar bagi 5,000 unit	=	Caj jualan seunit x Unit yang dibeli
	=	(5% x RM0.200000) x 5,000 unit
	=	<u>RM50</u>

Oleh itu, jumlah perlu dibayar oleh pelabur untuk pelaburan RM1,000 :
= Jumlah dilaburkan + Caj jualan perlu dibayar
= RM 1,000 + RM50
= **RM 1,050.00**

Contoh 2 : Belian Balik Unit

Apabila Pemegang Unit ingin menjual unit-unit pegangan mereka, Pengurus akan membuat belian balik unit-unit tersebut dengan mengenakan caj belian balik mengikut kadar yang telah ditetapkan. Andaikan Pemegang Unit ingin menjual sebanyak 5,000 unit yang dimiliki dan pada masa jualan dibuat, NAB seunit Tabung ialah RM0.200000 dan caj belian balik adalah 1% daripada NAB seunit Tabung, maka jumlah wang yang akan diterima adalah seperti berikut:

NAB seunit Tabung	-	RM0.200000
Caj belian balik seunit	-	1 % dari NAB seunit Tabung
Jumlah unit dijual balik	-	5,000 unit
Nilai jualan balik	=	Jumlah unit dijual balik x Harga unit
	=	5,000 unit x RM0.200000
	=	RM1,000
Caj belian balik yang perlu dibayar untuk 5,000 unit	=	Caj belian balik seunit x Unit yang dijual balik
	=	(1% x RM0.200000) x 5,000 unit
	=	<u>RM10</u>

Oleh itu, jumlah wang yang akan diterima oleh Pemegang Unit untuk jualan balik 5,000 unit :
= Nilai jualan balik - Caj belian balik yang dibayar
= RM 1,000 - RM10
= **RM990.00**

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

Kesilapan Pengiraan harga Unit

Jika berlaku kesilapan di dalam pengiraan harga-harga unit, Pengurus akan ;

- a. Memaklumkan kepada-Pemegang Amanah; dan
- b. Memaklumkan kepada SC, kecuali bila mana Pemegang Amanah memutuskan bahawa kesilapan harga itu adalah minimal.

Apa- apa kesilapan pengiraan harga unit akan serta merta diperbetulkan oleh Pengurus.

Sekiranya kesilapan itu sama atau lebih daripada 0.5% daripada NAB seunit, maka Pengurus akan bertindak segera membetulkan kesilapan pengiraan harga unit tersebut dan membuat pembayaran balik wang:

- a. oleh Pengurus kepada Tabung;
- b. daripada Tabung kepada Pengurus; atau
- c. oleh Pengurus kepada Pemegang Unit dan kepada Pemegang Unit terdahulu yang terkesan.

Walau bagaimanapun, Pengurus tidak perlu membuat pembayaran balik wang jika kesilapan pengiraan harga unit itu menghasilkan kesan kepada akaun pemegang unit berjumlah kurang daripada RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja).

Pengurus tidak boleh menggunakan dana Tabung untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada kesilapan pengiraan harga atau pembedahan harga unit tersebut.

Pengurus boleh memutuskan untuk membayar balik kepada Pemegang Unit yang terkesan dengan kesilapan pengiraan harga unit tersebut sama ada secara tunai atau dengan memberikan unit tambahan kepada mereka. Namun, bayaran balik kepada Pemegang Unit terdahulu mesti hanya dibuat secara tunai.

Pemegang Amanah mesti memaklumkan kepada SC setelah berpuas hati bayaran balik kepada Pemegang Unit telah selesai dibuat oleh Pengurus.

5.2 PERMOHONAN MEMBELI UNIT DAN BELIAN BALIK UNIT

Panduan Untuk Membeli Unit

Adalah mustahak untuk pelabur membaca dan memahami isi kandungan Prospektus sebelum membuat pelaburan.

1. Pelaburan Permulaan Minimum

100 unit

2. Pelaburan Tambahan Minimum

50 unit kecuali bagi labur semula unit agihan pendapatan dibenarkan kurang daripada 50 unit.

3. Kelayakan untuk melabur

Permohonan membeli unit akan diterima dan didaftarkan oleh Pengurus jika pemohon memenuhi syarat-syarat berikut :

Bagi Individu :

- Pemohon yang Berkelayakan.
- Mestilah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan.
- Bagi pemohon individu yang memohon untuk menjadi Pemegang Bersama boleh berumur di bawah lapan belas (18) tahun jika mereka memohon untuk menjadi Pemegang Bersama dengan individu lain yang berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan diterima.
- Warganegara dan pemastautin tetap.

Bagi Badan Korporat, Badan-badan Berkanun, Institusi atau Pertubuhan :

- Pemohon yang Berkelayakan.

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

4. Cara membuat pelaburan

Pelabur hendaklah mengisi Borang Permohonan Pelaburan dengan lengkap setelah membaca Prospektus ini dan menghantarnya kepada Pengurus bersama dengan lampiran dokumen-dokumen yang diperlukan. Borang Permohonan Pelaburan juga boleh dimuat turun dari laman web Pengurus:

Dokumen-dokumen berikut (yang mana berkenaan) perlu dilampirkan untuk permohonan unit:

Bagi Individu :

- Salinan kad pengenalan yang diakui sah

Bagi Badan Korporat, Badan-badan Berkanun, Institusi atau Pertubuhan :

- Salinan Perlembagaan atau apa-apa dokumen penubuhan yang diakui sah;
- Laporan Kewangan terkini;
- Penyata Tahunan (Seksyen 68 Akta Syarikat 2016);
- Undang-Undang Kecil / Tubuh;
- Resolusi pembelian saham dan
- Sijil Pendaftaran Syarikat / Pertubuhan / Koperasi

Pelabur boleh membuat bayaran pelaburan secara tunai di kaunter pejabat, atau menggunakan bank draf, kiriman wang, cek persendirian atau pindahan terus ke akaun Pengurus di atas nama 'Pengurusan Kumipa Berhad-Akaun Amanah Pelanggan'.

Tarikh Pengurus menerima permohonan membeli unit yang lengkap adalah dianggap tarikh pendaftaran pemohon sebagai Pemegang Unit.

Bagi bayaran pelaburan yang menggunakan cek, sekiranya cek tersebut gagal dijelaskan, Pengurus akan membatalkan pendaftaran pemohon sebagai Pemegang Unit.

Sekiranya permohonan tidak lengkap atau tidak memenuhi kelayakan, Pengurus boleh menolak permohonan tersebut tanpa sebarang alasan.

5. Pembelian unit melalui pembiayaan pinjaman

Pelabur sewajarnya mengambil perhatian bahawa pelaburan di dalam unit amanah melalui pembiayaan pinjaman bank adalah lebih tinggi risikonya berbanding pelaburan secara tunai.

Pelabur adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami sepenuhnya Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman yang dilampirkan bersama Borang Permohonan Pelaburan sebelum membuat pinjaman.

Pengurus tidak menggalakkan penggunaan skim pinjaman untuk membeli unit.

6. Resit dan sijil

Pengurus akan mengeluarkan resit rasmi dalam tempoh satu (1) bulan selepas unit dibeli sebagai bukti pembelian unit.

Sijil hanya dikeluarkan di atas permintaan bertulis oleh pelabur atau melalui borang khas yang boleh didapati di pejabat Pengurus. Tiada bayaran dikenakan bagi sijil pertama yang dikeluarkan bagi sesuatu akaun Pemegang Unit. Sijil gantian atau sijil untuk pembelian unit-unit berikutnya akan dikenakan caj. Sekiranya sijil hilang, Pemegang Unit perlu menyerahkan kepada Pengurus satu surat akuan menyatakan sijil hilang yang diperakui di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.

Sila ambil perhatian bahawa pelabur dinasihatkan supaya tidak membuat bayaran tunai kepada mana-mana agen individu apabila membeli unit-unit tabung.

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

Panduan Untuk Belian Balik Unit

1. Tiada minimum unit untuk belian balik oleh Pengurus.
2. Pemegang Unit boleh menjual balik sama ada sebahagian atau keseluruhan unit-unit yang dimiliki secara mengisi Borang Belian Balik Unit yang boleh diperolehi dari pejabat Pengurus pada hari perniagaan atau dengan memuat turun daripada laman web Pengurus.
3. Dokumen-dokumen berikut (yang mana berkenaan) perlu dilampirkan untuk permohonan belian balik unit:
Bagi Individu :
 - Borang Belian Balik Unit
 - Salinan kad pengenalan yang diakui sah
 - Surat arahan daripada bank jika pembelian unit dibuat melalui pinjamanBagi Badan Korporat, Badan-badan Berkanun, Institusi atau Pertubuhan :
 - Borang Belian Balik Unit
 - Resolusi atau cabutan minit mesyuarat
 - Surat permohonan belian balik unit / surat arahan daripada bank jika membeli unit melalui pinjaman
 - Salinan Penyata Tahunan (Seksyen 68 Akta Syarikat 2016 / salinan senarai Ahli Jawatankuasa terkini / Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kesemua salinan dokumen tersebut mesti yang diakui sah.Pemegang Unit boleh menghubungi pejabat Pengurus untuk keterangan lanjut mengenai prosidur belian balik unit.
4. Pemegang Unit boleh menyerahkan Borang Belian Balik unit pada hari perniagaan dengan cara sama ada datang terus ke pejabat Pengurus atau melalui pos ke alamat: Pengurusan KUMIPA Berhad, Tingkat 20, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
5. Pengurus akan membeli balik unit-unit daripada Pemegang Unit dan akan membuat bayaran kepada Pemegang Unit dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dari tarikh permohonan yang lengkap diterima. Sekiranya permohonan tidak lengkap, Pengurus tidak akan memproses permohonan belian balik tersebut. Pengurus akan menghubungi Pemegang Unit untuk melengkapkan permohonan tersebut bagi membolehkan permohonan itu diproses.

Pindah Milik Unit

1. Bilangan unit minimum yang dibenarkan untuk dipindah milik ialah 100 unit.
2. Penerima pindah milik mesti mempunyai akaun/ adalah pemegang unit.
3. Proses pemindahan milik adalah percuma.
4. Pemegang Unit boleh membuat pindah milik unit dengan mengisi Borang Pindah Milik yang boleh diperolehi dari pejabat Pengurus.
Bagi individu perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut :
 - a. Borang Pindah Milik yang lengkap;
 - b. Satu salinan Kad Pengenalan Pemegang Unit individu, Pemegang Bersama dan penerima pindah milik yang diakui sah;
 - c. Bagi pindah milik yang melibatkan unit bersijil, sijil asal mesti disertakan. Jika sijil hilang, anda mesti menyertakan satu suratakuan mengakui kehilangan sijil bersama dengan permohonan Pindah Milik tersebut.
 - d. Dokumen yang perlu disahkan/disaksikan hendaklah menggunakan mereka yang disenaraikan oleh Pengurus.Bagi Badan Korporat, Badan-badan Berkanun, Institusi atau Pertubuhan perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut (yang mana berkenaan):
 - a. Surat permohonan pindah milik;
 - b. Borang Pindah Milik yang lengkap;
 - c. Salinan kad pengenalan pemindah milik dan penerima pindah milik yang diakui sah;
 - d. Salinan Perlembagaan atau apa-apa dokumen penubuhan yang diakui sah, Penyata Tahunan (Seksyen 68 Akta Syarikat 2016), Undang-Undang Kecil, Resolusi / cabutan minit Syarikat, Senarai Jawatankuasa terkini dan Sijil Pendaftaran Syarikat / Pertubuhan. Kesemua salinan dokumen tersebut mesti yang diakui sah.

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

5. Pemegang Unit boleh menghubungi pejabat Pengurus untuk keterangan lanjut mengenai prosidur Pindah Milik.
6. Baki minimum bagi mana-mana pemindah milik atau penerima pindah milik ialah 100 unit selepas transaksi pindah milik dibuat.

Mana-mana akaun yang mempunyai baki kurang daripada minimum yang dibenarkan akan ditutup dan baki akan dipindahkan ke akaun khas.

Pengurus boleh menolak permohonan pindah milik unit tanpa sebarang alasan.

Di Mana Unit Boleh Dibeli Dan Dijual

Apa-apa permohonan untuk membeli atau menjual balik unit-unit Tabung boleh dibuat di pejabat Pengurus di alamat: Pengurusan KUMIPA Berhad, Tingkat 20, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur atau menghubungi pejabat Pengurus di:

- No Tel. 09 5133900 atau 019 9543900
- E- mel : : administration@phgunitrust.com.my

Polisi Hak dan Tempoh Bertenang

Hak bertenang ialah hak setiap Pemegang Unit individu untuk mendapatkan kembali wang pelaburan mereka didalam masa tempoh bertenang sekiranya mereka tidak lagi berminat untuk meneruskan pelaburan mereka.

Hak bertenang hanya diberi kepada Pemegang Unit individu yang membuat pelaburan permulaan sahaja. Hak bertenang ini tidak terpakai untuk sebarang pelaburan tambahan.

Tempoh bertenang bermakna satu tempoh dimana Pemegang Unit diberi peluang untuk membatalkan pembelian unit-unit Tabung jika mereka berhasrat untuk berbuat demikian selepas membeli unit-unit tersebut.

Tempoh bertenang Tabung adalah selama enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh permohonan membeli unit yang lengkap diterima oleh Pengurus. Pemohon boleh memaklumkan kepada Pengurus sekiranya mereka ingin membatalkan pembelian unit-unit mereka secara bertulis atau menghubungi terus ke pejabat Pengurus.

Bayaran balik akan dibuat pada harga asal unit yang dibeli atau pada harga semasa pada tarikh Pengurus menerima notis pembatalan pembelian unit, yang mana lebih rendah.

Pengurus mesti membuat pembayaran balik termasuk caj jualan seunit yang dikenakan semasa belian unit tersebut dibuat. Pembayaran balik akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dikira dari tarikh Pengurus menerima notis pembatalan pembelian unit tersebut. Bayaran akan dibuat sama ada melalui cek, draf bank atau pindahan tunai atas talian ke akaun pemohon.

Walau bagaimanapun, hak untuk membatalkan pembelian unit tidak terpakai kepada institusi atau perbadanan, kakitangan syarikat Pengurus dan PEUA.

5.3 BAYARAN AGIHAN PENDAPATAN

Agihan Pendapatan

1. Jumlah yang dipersetujui untuk diagihkan akan dibayar kepada Pemegang Unit mengikut pegangan unit masing-masing dalam tempoh agihan yang dinyatakan mengikut perkiraan berikut :-

$$\frac{\text{Jumlah pendapatan bersih Tabung yang setuju diagihkan}}{\text{Jumlah unit di dalam pusingan}} \times \text{jumlah pegangan unit}$$

2. Pemegang Unit layak untuk menerima agihan pendapatan (jika ada) walaupun unit hanya dibeli satu (1) hari sebelum tarikh akhir agihan pendapatan tersebut berdasarkan jumlah unit yang dipegang pada tarikh agihan pendapatan diisytihar.

5 MAKLUMAT TRANSAKSI

3. Tabung akan membuat agihan pendapatan (jika ada) sekurang-kurangnya sekali setahun daripada pendapatan nyata Tabung (jika ada) bagi tahun kewangan semasa Tabung setelah mengambilkira perkara berikut :
 - (a) Jumlah pulangan;
 - (b) Pendapatan Tabung;
 - (c) Aliran tunai untuk agihan;
 - (d) Kestabilan dan kesinambungan tabung selepas agihan pendapatan;
 - (e) Objektif pelaburan dan polisi agihan pendapatan.
4. Dengan persetujuan Pemegang Amanah, Pengurus akan menentukan jumlah pendapatan yang akan diagih (jika ada) yang tidak melebihi pendapatan nyata Tabung boleh agih.
5. Pengurus akan membuat potongan cukai terlebih dahulu sebelum mengagih pendapatan kepada Pemegang Unit.

Bayaran Agihan Pendapatan

1. Tabung akan mengagihkan pendapatan (jika ada) bagi tempoh kewangan semasa sahaja. Agihan pendapatan (jika ada), biasanya akan dibayar di dalam bentuk pendapatan tunai dan/atau unit.
2. Pemegang Unit boleh memilih untuk menerima bayaran agihan pendapatan (jika ada) secara:
 - i. Pindahan terus ke akaun bank masing-masing. Bagi mereka yang membuat pilihan ini, mereka hendaklah memberi maklumat akaun bank kepada Pengurus untuk memasukkan jumlah agihan mereka terus ke dalam akaun bank masing-masing atau
 - ii. melaburkan semula agihan pendapatan ke dalam bentuk tambahan unit-unit.Pilihan ini boleh dibuat di dalam Borang Maklumat Pelabur dan Pemegang Unit boleh menukar pilihan tersebut pada bila-bila masa.
3. Pengurus akan mengeluarkan cek agihan pendapatan kepada mana-mana Pemegang Unit sedia ada yang masih belum memaklumkan nombor akaun bank masing-masing kepada Pengurus. Mulai April 2025 Pengurus tidak lagi akan mengeluarkan cek agihan pendapatan dan bayaran agihan pendapatan akan dimasukkan terus ke dalam akaun bank Pemegang Unit.

Oleh itu, Pemegang Unit sedia ada dinasihat memaklumkan nombor akaun bank masing-masing kepada Pengurus secepat mungkin bagi tujuan pindahan agihan (jika ada) ke akaun bank.

Labur Semula Agihan Pendapatan

Bagi Pemegang Unit yang masih menerima cek agihan pendapatan:

- i. Mana-mana cek agihan pendapatan yang tidak ditunai selepas enam (6) bulan daripada tarikh agihan akan secara automatik dilaburkan semula ke dalam akaun Pemegang Unit masing-masing berdasarkan pada NAB seunit dicampur dengan caj jualan pada hari ke empat puluh (40) selepas tarikh matang cek agihan tanpa sebarang kos.
- ii. Labur semula agihan pendapatan dianggap dibuat pada hari perniagaan sebagai tambahan unit berdasarkan pada NAB seunit dicampur dengan caj jualan yang diisytihar selepas tarikh penerimaan arahan labur semula daripada Pemegang Unit.
- iii. Pemegang Unit boleh melabur semula agihan pendapatan pada bila-bila masa menggunakan cek agihan pendapatan yang belum luput tarikh. Labur semula cek agihan secara runcit akan melalui proses yang sama seperti proses tambahan unit.

Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik.

6 PENGURUS TABUNG

6.1 MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada:-

1. Profesor Dato' Dr. Haji Muhamad bin Muda (Pengerusi dan Ahli Bebas)
2. Datin Hajjah Nor Asmah binti Abdul (Ahli Bukan Bebas & Pengarah Berlesen)
3. Tuan Haji Mazelan@Rosely Abdul Rahman bin Osman (Ahli Bebas)
4. Dato' Haji Bahari bin Johari (Ahli Bebas)
5. Encik Nahmar bin Jamil (Ahli Bukan Bebas)

Latar Belakang Syarikat

Pengurusan KUMIPA Berhad (198901010602 (187904- M))

- Syarikat milik penuh Amanah Saham Pahang Berhad (197401000201(17251-P)) iaitu sebuah agensi kerajaan Negeri Pahang yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016.
- Modal dibenar sebanyak RM10 juta dan modal berbayar sebanyak RM7,000,002.
- Mula beroperasi sebagai syarikat pengurusan saham amanah pada 20 Disember 1993.
- Menguruskan Tabung Kumpulan Modal Bumiputra Pahang yang telah dilancarkan semula pada 20hb Jun 1994. Tabung Kumpulan Modal Bumiputra Pahang tersebut sekarang dikenali sebagai KUMIPA Balanced Fund.

Pengalaman Syarikat Pengurusan

Pengurusan pelaburan diuruskan sendiri oleh PKB. PKB (CMSL/A0150/2007) mempunyai lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 58 Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti terkawal iaitu pengurusan kumpulan wang dan pengurusan kumpulan wang terhad kepada sekuriti. PKB mempunyai pengalaman lebih daripada dua puluh sembilan (29) tahun di dalam industri unit amanah dan pengurusan pelaburan sejak mengambil alih pengurusan Tabung Kumpulan Modal Bumiputra Pahang pada tahun 1993. Pada masa ini aktiviti hanya menguruskan satu tabung amanah sahaja iaitu KUMIPA Balanced Fund (yang dahulunya dikenali sebagai Tabung Kumpulan Modal Bumiputra Pahang).

Fungsi, Tugas Dan Tanggungjawab Syarikat Pengurusan

Fungsi, tugas dan tanggungjawab utama Syarikat Pengurusan ialah antara lainnya :-

- Mengurus Tabung dengan cekap dan beretika mengikut peruntukan Surat Ikatan, garis panduan, dan undang-undang berkaitan serta mengikut amalan perniagaan yang berkesan yang diterima oleh industri unit amanah di Malaysia;
- Bertindak demi menjaga kepentingan terbaik Pemegang Unit serta sentiasa mengutamakan kepentingan Pemegang Unit ;
- Mencapai objektif pelaburan Tabung melalui penggubalan strategi pelaburan dan pemilihan pelaburan yang bersesuaian dan menggunakan sumber dan prosidur secara berkesan untuk prestasi Tabung yang baik dan pulangan Tabung yang kompetitif ;
- Mengurus risiko setimpal dengan operasi perniagaannya;
- Memastikan aset-aset Tabung dikenal pasti, dilindungi dan diasingkan daripada aset-aset Pengurus;
- Mewujudkan polisi, prosidur dan rekod yang betul berhubung dengan harga dan penilaian Tabung;
- Menyediakan penyata kewangan mengikut standard akaun yang diluluskan;
- Menghantar kepada Pemegang Unit satu salinan laporan tahunan beraudit Tabung dan laporan setengah tahunan Tabung dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan.

6 PENGURUS TABUNG

Litigasi Dan Timbangtara Material

Setakat tarikh Prospektus ini, tiada sebarang litigasi dan timbangtara material sedang atau diancam dibawa terhadap Pengurus dan tiada apa-apa fakta yang boleh membawa kepada prosiding lain yang mungkin memberi kesan material kepada urusan/kedudukan kewangan Pengurus.

6.2 PENGURUSAN PELABURAN TABUNG

Berikut adalah pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pelaburan Tabung:

Pegawai Yang Bertanggungjawab

Encik Nadzir bin Dol

Beliau mula menyertai PKB sejak dari tahun 1994 sehingga kini. Mempunyai kelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan juga Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta pemegang Diploma Analisa Pelaburan dari Universiti Teknologi MARA (UITM).

Beliau mempunyai pengalaman di dalam sektor perbankan, kewangan dan audit sebelum menyertai PKB. Beliau adalah Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berlesen dan bertugas sebagai Ketua Jabatan Pengurusan Aset bermula dari 1 April 1994 sehingga Disember 2017 selain berperanan selaku wakil niaga berlesen yang mengawalselia aktiviti-aktiviti pelaburan dan pengurusan portfolio.

Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar PKB pada 1 Januari 2018 dan merupakan pegawai yang bertanggungjawab ke atas fungsi pengurusan dana Tabung seterusnya bertanggungjawab sebagai Ketua Eksekutif PKB bermula pada 2 Januari 2019.

6.3 LAIN-LAIN MAKLUMAT

Maklumat lanjut mengenai syarikat pengurusan boleh diketahui melalui laman web Pengurus di halaman Profil Korporat dan halaman Pengurusan Syarikat di alamat www.phgunitrust.com.my.

7 PEMEGANG AMANAH

7.1 PROFIL AMANAH RAYA TRUSTEES BERHAD

AmanahRaya Trustee Berhad (ART) diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949. ART adalah anak syarikat Amanah Raya Berhad (ARB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. ART mengambil alih fungsi peramanahan korporat ARB dan memperoleh lebih daripada 50 tahun pengalaman ARB dalam urusan pemegang amanah. ART telah didaftarkan dan diluluskan oleh SC untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi dana unit amanah.

7.2 TUGAS DAN KEWAJIPAN PEMEGANG AMANAH

Peranan utama Pemegang Amanah adalah untuk melindungi hak-hak dan kepentingan pemegang unit dengan memastikan Pengurus menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut peruntukan Surat Ikatan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Garis Panduan dan undang-undang yang berkuatkuasa. Pemegang Amanah bertindak sebagai penjaga kepada Tabung dan melindungi hak serta kepentingan para pemegang unit dengan mengawasi pentadbiran tabung oleh Pengurus untuk memastikan kepentingan pemegang unit sentiasa diutamakan.

Tugas-tugas Pemegang Amanah:-

- Menjadi Pemegang Amanah sehingga Tabung ditamatkan atau ia bersara atau dipecat daripada menjadi Pemegang Amanah dengan cara-cara yang telah diperuntukkan di dalam Surat Ikatan;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh hemat, tekun dan berhati-hati mengikut peruntukan di dalam Surat Ikatan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Garis Panduan dan undang-undang lain yang terpakai, melainkan pengubahsuaian dibenarkan atau pengecualian diberi bagi melindungi hak-hak dan kepentingan pemegang-pemegang unit;
- Memastikan Pengurus sentiasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut peruntukan di dalam Surat Ikatan. Pemegang Amanah harus memastikan Pengurus menyimpan rekod yang teratur tentang kesemua urusniaga, memastikan akaun-akaun Tabung disediakan dan diaudit oleh juruaudit yang dilantik dan memastikan Laporan Pengurus (Tahunan/ Interim) diedarkan kepada pemegang-pemegang unit dalam masa yang telah ditetapkan oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau mana-mana undang-undang yang terpakai;
- Mengarahkan Pengurus dengan sewajarnya dan melaporkan kepada Suruhanjaya Sekuriti sekiranya berpendapat Pengurus tidak bertindak untuk kepentingan pemegang-pemegang unit atau tidak mengikut peruntukan Surat Ikatan atau gagal mematuhi Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Garis Panduan atau peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa; dan
- Memastikan bahawa pelaburan ke atas Tabung yang dijalankan tidak digunakan untuk kepentingan sendiri atau kepentingan pihak-pihak lain selain daripada untuk kepentingan pemegang-pemegang unit.

7.3 PERTIKAIAN MATAN DAN TIMBANGTARA

Setakat tarikh prospektus ini, tiada terdapat pertikaian matan dan timbangtara yang melibatkan Pemegang Amanah samada sebagai Plaintif atau Defendan, dan Pemegang Amanah tidak ada pengetahuan mengenai mana-mana prosiding, yang belum diputuskan atau akan berlaku atau apa-apa fakta yang berkemungkinan menimbulkan apa-apa prosiding yang mungkin menjejaskan kedudukan perniagaan/ kewangan pemegang amanah secara matan atau mana-mana wakilnya.

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

8.1 HAK DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG UNIT

Berikut ialah ringkasan kepada peruntukan di dalam Surat Ikatan mengenai hak dan tanggungjawab Pemegang Unit:

1. Semua Pemegang Unit berdaftar berhak untuk menerima manfaat dan terikat kepada peruntukan di dalam Surat Ikatan selagi masih menjadi Pemegang Unit berdaftar. Surat Ikatan ini mengikat Pemegang Unit seolah-olah Pemegang Unit itu adalah pihak kepada Surat Ikatan ini.
2. Pemegang Unit berhak untuk mengambil semua tindakan, prosiding dan/atau langkah yang perlu terhadap:
 - a) Pengurus bagi sebarang pelanggaran tugas-tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pasaran modal; dan
 - b) Pemegang Amanah bagi sebarang pelanggaran tugas-tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pasaran modal.
3. Semua Pemegang Unit berdaftar berhak menghadiri mesyuarat Pemegang Unit, menikmati kenaikan nilai unit serta lain-lain hak dan keistimewaan seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Ikatan.
4. Pemegang Unit tidak ada hak untuk menghendaki pemindahan kepadanya mana-mana pelaburan atau aset Tabung atau mencampuri atau mempersoalkan hak Pemegang Amanah sebagai pemilik pelaburan dan aset tersebut.
5. Pemegang Unit tidak berhak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat pemilik syer, pemegang saham atau pemegang debentur atau mengundi atau mengambil bahagian atau mengizinkan sebarang tindakan mereka.
6. Walaupun wujud perhubungan di antara Pemegang–Pemegang Unit, Pemegang Amanah dan Pengurus sepertimana yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan, Pemegang Unit tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa jumlah melebihi daripada bayaran harga belian unit seperti yang ditentukan di dalam Surat Ikatan pada masa unit-unit itu dibeli dan mana-mana caj berkaitan.
7. Pemegang Unit juga tidak bertanggungjawab menggantikan Pengurus dan / atau Pemegang Amanah sekiranya tanggungan yang kena dibayar oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah bagi pihak Tabung melebihi nilai aset-aset Tabung.
8. Jika ada apa-apa perubahan kepada mana-mana hak Pemegang Unit seperti diperuntukkan, di mana pada pendapat Pemegang Amanah hak Pemegang Unit terjejas atau terkesan secara material, Pemegang Amanah akan memaklumkan segera kepada Pemegang Unit akan perubahan tersebut.

8.2 FIDAN CAJ

Surat Ikatan memperuntukkan keterangan berkenaan dengan fi yang dikenakan **secara tidak langsung** apabila melabur di dalam Tabung ini.

Fi Pengurusan Tahunan

Pengurus layak mendapat fi pengurusan tahunan pada kadar maksimum 1.5% setahun daripada NAB Tabung.

Fi Pemegang Amanah Tahunan

Pemegang Amanah layak mendapat fi pemegang amanah tahunan pada kadar maksimum 0.5% setahun daripada NAB Tabung dan tidak kurang daripada 0.1% setahun daripada NAB Tabung.

Surat Ikatan juga memperuntukkan keterangan berkenaan dengan caj yang dikenakan **secara langsung** apabila melabur di dalam Tabung ini.

Caj Jualan dan Caj Belian Balik

Caj Jualan seunit yang dikenakan ialah pada kadar maksimum 10% daripada NAB seunit.

Caj Belian Balik seunit pula ialah pada kadar maksimum lima (5) sen daripada NAB seunit.

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

8.3 KENAIKAN FI DAN CAJ

Kenaikan fi

Pengurus tidak boleh mengenakan fi pengurusan tahunan melebihi kadar yang dinyatakan di dalam Prospektus dan Pemegang Amanah tidak boleh mengenakan fi pemegang amanah tahunan melebihi kadar yang dinyatakan di dalam Prospektus kecuali:

- a. Pengurus telah mencapai persetujuan dengan Pemegang Amanah mengenai kadar yang lebih tinggi;
- b. Pengurus telah memaklumkan kepada para Pemegang Unit tentang perubahan fi itu hanya berkuatkuasa selepas satu tempoh masa seperti yang telah ditentukan oleh mana-mana undang-undang berkaitan, telah berlalu sejak tarikh prospektus gantian;
- c. satu prospektus tambahan atau prospektus gantian yang menyatakan kenaikan fi dikeluarkan; dan
- d. apa-apa masa yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan telah berlalu sejak tarikh prospektus tambahan atau prospektus gantian dikeluarkan.

Kenaikan caj

Caj jualan dan caj belian balik yang lebih tinggi daripada yang dinyatakan di dalam Prospektus hanya boleh dikenakan jika:

- a. Pengurus telah memaklumkan kepada Pemegang Amanah secara bertulis tentang kenaikan caj dan tarikh kuatkuasa kenaikan caj ;
- b. satu prospektus tambahan atau prospektus gantian berkenaan dengan Tabung yang menetapkan caj yang lebih tinggi dikeluarkan;
- c. apa-apa masa yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan telah berlalu sejak tarikh prospektus tambahan atau prospektus gantian dikeluarkan.

8.4 LAIN-LAIN PERBELANJAAN TABUNG

Surat Ikatan memperuntukkan hanya perbelanjaan yang perlu dan berkait secara langsung dan perlu bagi menjalankan operasi dan pengurusan Tabung boleh dikenakan kepada Tabung. Ini termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) perbelanjaan berikut:

1. Komisyen / fi yang dibayar kepada broker atau wakil niaga atas pelaksanaan urusan pelaburan Tabung;
2. Cukai dan lain-lain duti yang dikenakan ke atas Tabung oleh Kerajaan dan / atau lain-lain pihak berkuasa;
3. Kos, fi dan perbelanjaan yang boleh dikenakan oleh juruaudit Tabung;
4. Fi yang ditanggung untuk penilaian mana-mana pelaburan Tabung;
5. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk pindaan kepada Surat Ikatan. Jika pindaan kepada Surat Ikatan itu memberi manfaat kepada Pengurus dan / atau Pemegang Amanah, maka ianya tidak boleh dikenakan kepada Tabung;
6. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk apa-apa mesyuarat Pemegang Unit selain daripada mesyuarat yang memberi manfaat kepada Pengurus dan / atau Pemegang Amanah;
7. Kos, komisyen, fi dan perbelanjaan menjual aset, membeli aset, membeli insuran untuk aset dan lain-lain urusan kepada mana-mana aset Tabung;
8. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam melantik mana-mana pakar yang dibenarkan oleh Pemegang Amanah untuk menyiasat dan menilai apa-apa cadangan pelaburan Tabung;
9. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam melantik mana-mana penilai untuk kebaikan Tabung;
10. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam penyediaan dan audit percukaian, pulangan dan akaun Tabung

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

11. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung dalam penamatan Tabung atau penyingkiran Pemegang Amanah atau Pengurus dan pelantikan pemegang amanah atau syarikat pengurusan yang baharu;
12. Kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan mana-mana timbang tara atau mana-mana prosiding berkenaan Tabung atau mana-mana aset Tabung, termasuk prosiding terhadap Pemegang Amanah atau Pengurus oleh pihak yang satu lagi untuk manfaat Tabung;
13. Ganjaran dan lain-lain belanja individu atau ahli-ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan Tabung, kecuali Pengurus memutuskan sebaliknya;
14. Kos, fi dan perbelanjaan yang dianggap oleh Pengurus telah ditanggung berkaitan dengan sebarang perubahan undang-undang atau keperluan untuk patuh kepada sebarang perubahan atau pengenalan undang-undang atau peraturan oleh pihak berkuasa kerajaan atau pihak kawal selia.

8.5 KEADAAN YANG MENYEBABKAN PERSARAAN, PEMECATAN DAN PENGGANTIAN PENGURUS DAN PEMEGANG AMANAH

Tertakluk sentiasa kepada peruntukan mana-mana undang-undang berkenaan Pemegang Amanah akan mengambil langkah memecat Pengurus:-

Persaraan, Pemecatan Dan Penggantian Pengurus

1. a. Jika Pengurus gagal atau lalai menjalankan tugas-tugasnya pada tahap yang memenuhi kehendak Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah memikirkan bahawa pemecatan tersebut adalah demi kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selepas Pemegang Amanah memberi notis kepada Pengurus tentang pendapat mereka beserta sebabnya, dan setelah menimbangkan representasi Pengurus terhadap pendapat itu dan selepas perundingan dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan dan dengan persetujuan Pemegang-Pemegang Unit melalui Resolusi Khas;
 - b. Melainkan dengan arahan secara langsung oleh pihak berkuasa yang berkenaan, sekiranya Pengurus ingkar mana-mana obligasi atau tugasnya di bawah Surat Ikatan ini atau mana-mana undang-undang berkenaan, atau sudah tidak layak menjadi syarikat pengurusan di bawah mana-mana undang-undang berkenaan; atau
 - c. Pengurus digulung, kecuali penggulangan tersebut adalah bagi maksud penggabungan atau pengstrukturkan semula atau lain-lain tujuan yang seakan-akan, atau Penerima telah dilantik untuk menguruskan asetnya atau Pengurus telah menghentikan perniagaannya;
- dan Pengurus tidak boleh menerima apa-apa bayaran tambahan atau faedah berkaitan dengan pemecatan itu.
2. Dalam mana-mana hal yang telah disebutkan di atas, Pengurus selepas menerima notis bertulis daripada Pemegang Amanah, hendaklah berhenti daripada menjadi syarikat pengurusan kepada Tabung. Pemegang Amanah hendaklah, pada masa yang sama secara bertulis melantik mana-mana syarikat lain yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menjadi syarikat pengurusan Tabung. Syarikat tersebut hendaklah memasuki apa-apa surat ikatan yang difikirkan perlu oleh Pemegang Amanah untuk memastikan perlaksanaan tugas-tugas sebagai syarikat pengurusan Tabung. Pemegang Amanah, secepat mungkin, hendaklah memastikan semua buku, dokumen, rekod dan lain-lain harta berkaitan dengan Tabung dipindahmilik atau diserahkan kepada syarikat tersebut bagi membolehkan syarikat tersebut menjalankan tugasnya sebagai pengurus tanpa apa-apa gangguan.
 3. Pengurus mempunyai kuasa untuk bersara bagi memberi peluang kepada syarikat lain dan sebagaimana dikehendaki dibawah undang-undang berkenaan secara memberi kepada Pemegang Amanah notis bertulis selama dua belas (12) bulan (atau mana-mana tempoh yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah) mengenai hasratnya berbuat demikian, dan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:
 - a. Pengurus yang bersara akan melantik syarikat tersebut sebagai syarikat pengurusan Tabung secara bertulis di bawah mohor Pengurus untuk menggantikan Pengurus dan menyerah hak serta memindahkan segala hak dan tugas Pengurus kepada syarikat itu sebagai syarikat pengurusan Tabung;

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

- b. Syarikat yang dilantik itu hendaklah memasuki apa-apa surat ikatan yang difikirkan perlu oleh Pemegang Amanah; dan
- c. Selepas pembayaran dibuat kepada Pemegang Amanah semua jumlah yang patut dibayar oleh Pengurus yang akan bersara kepada Pemegang Amanah pada tarikh persaraan itu, Pengurus yang bersara itu akan dilepaskan dari segala tanggungjawab selepas tarikh itu tetapi tanpa prejudis kepada hak-hak Pemegang Amanah atau hak-hak mana-mana Pemegang Unit atau orang lain di atas ketinggalan atau tindakan Pengurus yang bersara itu yang dibuat sebelum persaraan. Syarikat pengurusan baharu boleh menggunakan kuasa dan hak-haknya tertakluk kepada semua tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Pengurus dibawah Surat Ikatan seolah-olah syarikat pengurusan baharu tersebut adalah pihak asal kepada Surat Ikatan ini.

Persaraan, Pemecatan Dan Penggantian Pemegang Amanah

Berikut adalah beberapa ringkasan peruntukan Surat Ikatan berhubung persaraan, pemecatan dan penggantian Pemegang Amanah :

1. Jika Pengurus mempunyai satu syarikat yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk bertindak menjadi pemegang amanah kepada Tabung bagi menggantikan Pemegang Amanah sedia ada, maka Pemegang Amanah boleh bersara selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan notis bertulis (atau apa-apa tempoh yang telah dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah) kepada Pengurus mengenai hasratnya untuk berbuat demikian.
2. Dengan persaraan Pemegang Amanah setelah mengikut peruntukan di atas, Pengurus berhak melantik secara bertulis, syarikat lain yang diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan untuk menjadi pemegang amanah Tabung yang baharu.
3. Dengan persaraan Pemegang Amanah, Pemegang Amanah hendaklah memindah milik atau menyebabkan pemindahan milikan atau pegangan ke atas aset-aset Tabung kepada pemegang amanah baharu dan hendaklah menyerahkan kepada pemegang amanah baharu itu buku-buku, dokumen-dokumen, rekod-rekod dan harta-harta lain berkaitan Tabung dan yang berada di dalam pemilikan Pemegang Amanah. Kos dan perbelanjaan berkaitannya hendaklah dibayar daripada Tabung.
4. Pemegang amanah baharu yang dilantik hendaklah menandatangani surat ikatan seperti yang dikehendaki oleh Pengurus dan pihak berkuasa berkenaan di mana pemegang amanah baharu hendaklah mengakujaji kepada Pengurus dan Pemegang Unit secara bersesama dan berasingan akan memikul tanggungjawab Pemegang Amanah yang bersara seperti yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan. Pemegang Amanah yang bersara dilepaskan dari tanggungjawabnya selepas tarikh tersebut dengan syarat beliau masih bertanggungjawab ke atas segala tindakan dan kecuaiannya sebelum bersara.
5. Dengan syarat terdapatnya satu syarikat yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan, Pemegang Amanah boleh dipecat dan digantikan dengan pemegang amanah lain yang dilantik melalui Resolusi Khas oleh Pemegang-pemegang Unit di dalam mesyuarat.

Untuk peruntukan yang lebih terperinci sila rujuk Surat Ikatan yang mana salinannya boleh di dapati di pejabat Pengurus.

8.6 PENAMATAN TABUNG

Tabung boleh ditamatkan oleh Pengurus atau Pemegang Amanah.

Penamatan Tabung oleh Pengurus

Pengurus boleh menamatkan dan menggulung Tabung mengikut undang-undang berkaitan atau dengan kelulusan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa berkaitan.

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

Walau bagaimanapun, Pengurus, setelah berunding dengan Pemegang Amanah dan tanpa perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pemegang Unit boleh juga menamatkan Tabung pada bila-bila masa jika Pengurus menganggap ianya tidak ekonomik untuk terus menguruskan Tabung dan penamatan Tabung adalah untuk kebaikan Pemegang Unit. Namun walau apa pun yang dinyatakan sebelum ini, jika Tabung tidak lagi mempunyai Pemegang Unit, Pengurus berhak untuk menamatkan Tabung.

Apabila Tabung ditamatkan oleh Pengurus, Pengurus hendaklah memberi notis kepada setiap Pemegang Unit Tabung yang ditamatkan itu berkenaan dengan penamatan itu menurut undang-undang berkaitan; Pengurus hendaklah memberitahu Pemegang Unit Tabung sedia ada secara bertulis berkenaan dengan pilihan-pilihan berikut :

1. Mereka akan menerima hasil tunai bersih yang terbit daripada jualan kesemua pelaburan dan aset-aset Tabung di tolak apa-apa bayaran liabiliti-liabiliti Tabung dan apa-apa Penghasilan Tunai boleh agih mengikut jumlah unit-unit yang dipegang oleh mereka masing-masing; atau
2. Menggunakan hasil tunai bersih itu untuk melabur di dalam mana-mana skim unit amanah lain yang diurus oleh Pengurus mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam notis bertulis tersebut; atau
3. Untuk memilih mana-mana alternatif lain seperti yang dicadangkan oleh Pengurus menurut undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan.

Penamatan Tabung oleh Pemegang Amanah

Jika berlaku mana-mana keadaan berikut:

1. jika Pengurus digulung, kecuali jika bagi maksud pengstruktur semula atau untuk penggabungan menurut terma yang telah diluluskan secara bertulis oleh Pemegang Amanah dan pihak berkuasa berkenaan; atau
2. jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti dari menjalankan perniagaannya; atau
3. jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah memprejudiskan hak-hak Pemegang Unit apabila gagal untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Surat Ikatan atau telah melanggar mana-mana undang-undang berkenaan;

maka Pemegang Amanah akan memanggil satu mesyuarat Pemegang Unit menurut peruntukan Surat Ikatan bagi tujuan mendapatkan arahan daripada Pemegang Unit.

Jika dalam mesyuarat tersebut, satu Resolusi Khas untuk menamatkan Tabung dan untuk menggulung Tabung telah diluluskan oleh Pemegang Unit, Pemegang Amanah hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk perintah mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

Setelah permohonan dibuat oleh Pemegang Amanah, sekiranya Mahkamah mempertimbangkan ianya adalah demi kepentingan Pemegang Unit, Mahkamah boleh mengesahkan Resolusi Khas tersebut dan mengeluarkan perintah sebagaimana difikirkan perlu atau wajar untuk penamatan Tabung dan menguatkuasakan penggulangan Tabung.

Untuk peruntukan yang lebih terperinci sila rujuk Surat Ikatan yang mana salinannya boleh di dapati di pejabat Pengurus.

8.7 MESYUARAT PEMEGANG UNIT

Berikut ialah ringkasan peruntukan Surat Ikatan mengenai Mesyuarat Pemegang Unit.

Mesyuarat Pemegang Unit boleh diarahkan oleh Pemegang Unit, dipanggil oleh Pemegang Amanah atau Pengurus.

Mesyuarat dipanggil oleh Pemegang Unit

Pemegang Unit boleh mengarahkan Pengurus untuk memanggil mesyuarat bagi apa-apa tujuan termasuk, tetapi tidak terhad, kepada tujuan untuk:

- a. keperluan persaraan atau pemecatan Pengurus;

8 PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURAT IKATAN

- b. keperluan persaraan atau pemecatan Pemegang Amanah;
- c. mempertimbangkan penyata kewangan terkini Tabung;
- d. memberi kepada Pemegang Amanah apa-apa arahan yang difikirkan sesuai semasa mesyuarat tersebut; atau
- e. mempertimbangkan apa-apa hal berkaitan dengan Surat Ikatan.

Walau bagaimanapun, Pengurus tidak diwajibkan untuk memanggil mesyuarat tersebut kecuali arahan yang diterima adalah daripada jumlah Pemegang Unit yang tidak kurang daripada lima puluh (50) orang atau satu per sepuluh (1/10) daripada kesemua bilangan Pemegang Unit.

Mesyuarat dipanggil oleh Pemegang Amanah

Dimana:

1. Pengurus dalam proses penggulangan
2. pada pendapat Pemegang Amanah Pengurus telah menghentikan perniagaannya; atau
3. pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah memprejudiskan hak-hak Pemegang Unit, gagal untuk mematuhi Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang,

maka Pemegang Amanah hendaklah memanggil mesyuarat Pemegang Unit secara:

- a. Menghantar notis tentang cadangan mesyuarat itu secara pos kepada setiap Pemegang Unit atau dalam kes Pemegang Unit Bersama, kepada Pemegang Bersama yang pertama dicatat namanya di dalam rekod Pengurus di alamat terakhir beliau yang diketahui sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat dicadangkan.; dan
- b. menerbitkan satu iklan memberi notis mesyuarat di dalam akhbar harian sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat dicadangkan.

Pemegang Amanah boleh juga memanggil mesyuarat Pemegang Unit untuk, tetapi tidak terhad kepada tujuan berikut:

- a. keperluan persaraan atau pemecatan Pengurus;
- b. memberi arahan kepada Pemegang Amanah atau Pengurus jika Pemegang Amanah mengambilkira bahawa polisi pengurusan pelaburan Pengurus tidak memihak kepada Pemegang Unit;
- c. mendapatkan persetujuan Pemegang Unit untuk melepaskan Pemegang Amanah daripada apa-apa liabiliti;
- d. memutuskan tindakan berikutnya selepas Pemegang Amanah menggantung jualan dan belian balik unit menurut syarat-syarat Surat Ikatan; dan
- e. mencadangkan kewajaran Fi Pengurusan tahunan yang dikenakan kepada Tabung.

Mesyuarat dipanggil oleh Pengurus

Pengurus boleh memanggil mesyuarat Pemegang Unit untuk apa-apa tujuan dengan:

- a. memberi sekurang-kurangnya empat belas (14) hari notis bertulis tentang mesyuarat itu kepada Pemegang Unit; dan
- b. menyatakan di dalam notis itu tentang tempat dan masa mesyuarat dan terma resolusi yang akan dicadangkan di dalam mesyuarat

Sesalinan notis mesyuarat hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa berkenaan dan Pemegang Amanah.

Untuk peruntukan yang lebih terperinci sila rujuk Surat Ikatan yang mana salinannya boleh di dapati di pejabat Pengurus.

9 TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN

9.1 TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN

Tabung tidak mempunyai apa-apa transaksi dengan pihak berkaitan seperti Pengurus, Pengarah, Ketua Eksekutif dan kakitangan utama syarikat Pengurus.

9.2 POLISI BAGI MENANGANI KONFLIK KEPENTINGAN

Semua transaksi urusniaga untuk Tabung dilakukan oleh Pengurus secara teratur bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan. Di mana konflik tidak boleh dielakkan, perlindungan sewajarnya mesti diambil bagi menjaga kepentingan Pemegang Unit dan memastikan yang Tabung tidak mengalami kerugian daripada transaksi tersebut.

Kemungkinan terdapat ahli Lembaga Pengarah, ahli jawatankuasa dan anggota pekerja utama, Pemegang Amanah dan syarikat yang berkaitan dengan Pengurus berada di dalam situasi konflik kepentingan dalam berurusan dengan sekuriti dari segi memegang jawatan pengarah kepada beberapa syarikat di mana Tabung membuat pelaburan di dalamnya. Berikut adalah polisi bagi menangani masalah konflik kepentingan :

- Menghindarkan diri dari membuat sebarang keputusan ke atas transaksi urusniaga syarikat berkaitan.
- Tidak menghadiri mesyuarat (jika perlu) bilamana perbincangan dibuat berkenaan dengan syarikat berkaitan.
- Membuat perakuan bertulis tentang kepentingan mereka di dalam syarikat berkaitan pada setiap mesyuarat yang membincangkan urusniaga berkaitan dengan syarikat tersebut
- Mengisytihar pegangan masing-masing pada setiap awal tahun kewangan syarikat Pengurus.
- Pendedahan akan dibuat di dalam Prospektus.

10 PERCUKAIAN KE ATAS TABUNG

AC Taxation Sdn. Bhd.

(Company No : 762475-W)

tax advisory services

B42, Lorong Tun Ismail 8
Sri Dagangan 2
24000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Malaysia

telephone (609) 5178388

facsimile (609) 5158098

Laporan percukaian ke atas Tabung ini disediakan oleh AC Taxation Sdn. Bhd. khusus untuk tujuan Prospektus ini.

SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI KE ATAS AMANAH DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

(Disediakan untuk disertakan di dalam Prospektus)

Lembaga Pengarah
Pengurusan Kumipa Berhad
Tingkat 20, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

29 Ogos 2023

ACT/Dyna/3004

Tuan

CUKAI KE ATAS TABUNG AMANAH DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Surat ini disediakan untuk disertakan di dalam Prospektus yang bertarikh 11 September 2023 berkaitan dengan urusniaga jualbeli unit-unit **KUMIPA Balanced Fund (“Tabung Amanah”)**.

1. PERCUKAIAN PENDAPATAN TABUNG AMANAH

Percukaian Tabung Amanah adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 (“ACP 1967”) dan khususnya Seksyen 61 dan 63B yang merangkumi badan-badan amanah yang ditubuhkan di Malaysia.

Tabung Amanah akan dianggap sebagai pemastautin bagi tujuan pencukaian di Malaysia memandangkan bahawa Pemegang Amanah adalah pemastautin di Malaysia.

1.1 Cukai Tabung Amanah

Pendapatan pencukaian Tabung Amanah terdiri daripada pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada atau terakru dalam Malaysia seperti dividen, faedah dan keuntungan (selain daripada dividen, faedah atau keuntungan yang dikecualikan daripada cukai) selepas ditolak perbelanjaan dibenarkan cukai di bawah Seksyen 33(1) dan Seksyen 63B Akta ini dikenakan cukai pendapatan. Kadar cukai pendapatan yang digunakan untuk Tabung Amanah adalah 24%.

10 PERCUKAIAN KE ATAS TABUNG

Mengikut subseksyen 33(1), ACP 1967, potongan untuk perbelanjaan yang semata-mata dan kesemuanya dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar dibenarkan daripada setiap punca pendapatan tabung.

Berikut adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh unit amanah yang tidak boleh dibenarkan kerana dianggap sebagai bukan semata-mata dan kesemuanya dilakukan dalam menghasilkan pendapatan pelaburan:

